

# Prihatin

Berita SPANCO Jilid 4 2005



## UNIT KAWALAN SENGGARAAN

**Berkembang Seiring  
Peningkatan Jumlah Fleet**

- Langkah Segera Jika Terbabit Kemalangan
- Kegunaan Beg Udara Yang Betul Dapat Selamatkan Nyawa

ISSN 1675-1361



9 771675 136103



# Servis Bermutu Prestasi Terunggul

Pusat Servis Wilayah di Batu Caves menepati piawaian mutu tertinggi yang ditetapkan oleh SPANCO. Ia memiliki peralatan baik pulih automotif terkini yang dikendalikan oleh pakar yang berpengalaman, antaranya:



## ■ PENGANALISIS ENJIN BERKOMPUTER

Untuk menganalisis prestasi sistem pembakaran dan bahan api kenderaan.



## ■ PENGUJI DIAGNOSTIK BERKOMPUTER MUDAH ALIH

Mengesan, merekod dan membetulkan kerosakan pada sistem elektronik serta menguji komponen penggerak kereta.



## ■ ALAT PAM MINYAK ENJIN PNEUMATIK & PENGUMPUL SISA

Menyedut keluar minyak enjin yang sudah digunakan terus ke dalam bekas pengumpul sisa minyak.



## ■ DISPENSER MINYAK ENJIN

Memastikan kebersihan persekitaran melalui penuangan minyak enjin tanpa tumpahan.



## ■ ALAT PENJAJARAN RODA BERKOMPUTER

Untuk pelarasan tepat sistem geometri stereng.



## ■ PENGUJI BREK BERKOMPUTER

Menguji brek tanpa perlu memandu di atas jalan (*on road test*).



## ■ PENGECAS GAS PENDINGIN UDARA AUTOMATIK

Untuk vakum pantas dan cas semula gas pendingin udara.



## ■ PAM AIR BERTEKANAN TINGGI

Untuk pencucian bahagian enjin dan badan kenderaan yang lebih bersih dan cepat.



## ■ RUANG ISTIRAHAT BERHAWA DINGIN

Dilengkapi televisyen berskrin lebar dan dispenser minuman layan diri. Sementara kereta diservis atau dibaiki, pelanggan boleh menunggu sambil menikmati minuman ringan, bahan bacaan dan siaran ASTRO yang disediakan.



Untuk temu janji, sila hubungi talian

**BEBAS TOL: 1-800-88-6999**



## PENAUNG

Dato' Hamzah Mohd Salleh

## SIDANG PENGARANG

Rozita Dawan

Mohd Wazir Ahmad Kassim

Rusman Bassri

Sharon Ng

## PERUNDING PENERBITAN

Executive Mode Sdn Bhd (317453-P)

## PENCETAK

Percetakan Lai Sdn. Bhd.

Sila alamatkan maklum balas,  
komen dan sumbangan anda ke:

## SIDANG REDAKSI

### PRIHATIN-BERITA SPANCO

SPANCO Sdn Bhd (172957-U)

2, Jalan Murai Dua

51100 Kuala Lumpur

Tel : 03-6253 2888


Fax : 03-6253 6230

emel : prihatin@spanco.com.my

Kami bersedia menerima sebarang bentuk  
sumbangan karya untuk dipaparkan dalam  
majalah PRIHATIN-Berita SPANCO.

Bahan penulisan hendaklah disertakan sekali  
dengan nama, alamat dan nombor telefon  
penulis. Sidang Redaksi berhak melakukan  
penyuntingan sebelum karya diterbitkan.

# kandungan



8

## PERUTUSAN

- 4 Memperkukuhkan  
Kedudukan Sebagai  
Pembekal Perkhidmatan  
Pilihan

## KORPORAT

- 6 Jumlah Kemalangan  
Musim Perayaan Fleet  
Konsesi Meningkatkan



12

- 8 Unit Kawalan Senggaraan:  
Berkembang Seiring  
Peningkatan Jumlah Fleet

- 11 Panel Pusat Servis:  
Kriteria Ketat jamin mutu  
perkhidmatan

## KHABAR PRIHATIN

- 12 2005 Dalam Kenangan



14

## KESELAMATAN

- 14 OPS SIKAP IX: 70 peratus  
nahas maut punca kecuai

- 15 Kereta kini semakin  
selamat

- 16 Kegunaan Beg Udara  
Yang Betul Dapat  
Selamatkan Nyawa

## PENJAGAAN KERETA

- 18 Bateri: Pastikan Berkedudukan  
Baik Untuk Kelancaran  
Perjalanan

## PERLINDUNGAN

- 20 Langkah segera jika  
terbabit kemalangan

## KESIHATAN

- 22 Kecederaan yang biasa  
dalam kemalangan  
jalan raya



17



# 2006:

## Eratkan kerjasama kurangkan kemalangan

**B**UKIT boleh dicangkul dijadikan tanah rata, gunung pun boleh diratakan. Tetapi mengubah sikap manusia memang sukar. Demikianlah luahan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi yang dukacita dan kesal terhadap peningkatan kematian di jalan raya pada musim perayaan yang lalu.

Pengurusan SPANCO amat memahami kekecewaan itu. Kami sendiri akan melangkah ke tahun 2006 dengan perasaan yang sama seperti yang dirasakan oleh YAB Perdana Menteri dan kami juga pernah mengalami kehampaan dalam menganjurkan pelbagai aktiviti keselamatan jalan raya yang akhirnya didapati tidak meninggalkan kesan mendalam terhadap pengguna.

Statistik fleet Kerajaan Persekutuan yang kini mencecah 5,095 (November 2005) sebagai bukti kebimbangan itu. Kadar kemalangan seluruh tahun diunjurkan pada 32.07 peratus atau purata 32 kemalangan bagi setiap 100 buah, berbanding 37 kemalangan bagi setiap 100 buah untuk 2004. Manakala jumlah notis kesalahan yang diunjurkan pula ialah 15,403 saman atau 2.98 saman bagi setiap buah. Sebanyak 34,093 saman tertunggak masih belum dijelaskan.

Bermakna cabaran 2005 untuk mengurangkan jumlah kemalangan dan saman pada tahap terendah seperti yang disasarkan sebelum ini masih belum dicapai. Kadar kemalangan fleet konsesi pada tahap lebih 30 peratus itu adalah jauh lebih tinggi jika dibandingkan dengan peringkat Kebangsaan iaitu pada sekitar 2 hingga 2.5 peratus.

Statistik juga menunjukkan notis kesalahan had laju merangkumi lebih 90 peratus saman yang diterima oleh fleet Kerajaan Persekutuan hampir setiap tahun. Kelajuan mempengaruhi tahap serius kemalangan dan ini dibuktikan dengan peningkatan jumlah kemalangan serius yang dialami. Purata kos pembaikan kemalangan meningkat kepada **RM3,772** setakat November, daripada **RM3,579** bagi keseluruhan 2004.

Lebih mengejut dan mengharukan lagi ialah angka korban jalan raya di kalangan fleet konsesi iaitu seramai enam orang bagi 2005. Jumlah itu adalah korban yang tertinggi pernah dicatatkan sejak kami mula beroperasi lebih sedekad yang lalu.

Ternyata kebanyakan kita masih tidak memahami kos sebenar kemalangan. Nahas jalan raya mengakibatkan antaranya kehilangan sumber mata pencarian, tempat bergantung dan paling utama, kasih sayang yang tidak boleh dinilai dengan wang ringgit.

Justeru, keselamatan jalan raya, jumlah kemalangan, saman dan kos pembaikan kemalangan akan terus menjadi fokus utama kami bagi 2006 dan seterusnya. Untuk itu SPANCO memerlukan komitmen berterusan daripada anda bagi sama-sama mencapai matlamat menanganinya. Harapan kami supaya kita dapat mengeratkan lagi kerjasama menjadikan jalan raya Malaysia selamat setanding di negara-negara maju seperti yang disarankan oleh pucuk kepimpinan negara.

Semoga kita tidak lagi dihampakan dengan statistik kemalangan yang mendukacitakan pada tahun hadapan.

Selamat Tahun Baru dan jumpa lagi.



**Dato' Hamzah Mohd Salleh**  
Ketua Pegawai Eksekutif



# Buku Panduan SPANCO

## Bantu Pelanggan dapatkan khidmat terbaik

**B**UKU Panduan Khidmat Bantuan dan Pusat-Pusat Servis SPANCO adalah sebuah risalah yang diterbitkan untuk membantu pelanggan mendapatkan perkhidmatan yang optimum daripada SPANCO.

Buku bersaiz saku ini amat berguna terutama dalam menghadapi kecemasan, kemalangan atau kecurian. Ia sebagai rujukan mudah mengenai bantuan servis, nombor telefon yang boleh dihubungi, kemudahan dan peralatan yang disediakan di Pusat Servis Wilayah (PSW) serta senarai terkini Pusat Servis Diiktiraf (PSD) seluruh Malaysia.

*Buku panduan ini diterbitkan dua kali setahun dan edisi 2006 kini mula diedarkan secara percuma. Pelanggan akan diberi senaskhah apabila menghantar kereta konsesi untuk diservis di PSW dan Pejabat Wilayah SPANCO berikut:*



**PUSAT SERVIS  
WILAYAH - BATU CAVES**  
No. 2, Jalan Perusahaan 2  
Kaw Perusahaan Batu Caves  
68100 Batu Caves  
Selangor Darul Ehsan

**PUSAT SERVIS  
WILAYAH - BANGI**  
No. 33 Jalan P/21  
Taman Industri Selaman  
Seksyen 10  
43650 Bandar Baru Bangi  
Selangor Darul Ehsan

**PEJABAT WILAYAH  
SARAWAK**  
1039, Seksyen 66  
Jalan Kilang  
Bintawa Industrial Estate  
93450 Kuching  
Sarawak

**PEJABAT WILAYAH  
SABAH**  
Miles 5.5  
Jalan Tuaran Inanam  
88806 Kota Kinabalu  
Sabah

*Pelanggan disarankan untuk menyimpan senaskhah di dalam kereta konsesi supaya boleh dirujuk oleh pemandu setiap kali memerlukan bantuan SPANCO.*

# Jumlah Kemalangan

## Musim Perayaan Fleet Konsesi Meningkatkan

**P**ERBANDINGAN statistik kemalangan jalan raya musim perayaan yang dibekalkan Sistem Maklumat Pengurusan Fleet (SIKOM) menunjukkan trend yang serupa dengan yang dibekalkan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM). Ia berikutan jumlah kemalangan yang dialami fleet konsesi pada musim perayaan tahun ini didapati meningkat berbanding tahun lalu.

Jumlah kemalangan fleet di bawah seliaan SPANCO adalah **46 kes** bagi musim perayaan antara 27 Oktober dan 10 November lalu, meningkat sebanyak 35 peratus daripada **34 kes** bagi musim perayaan tahun lalu (7 – 21 November 2004).


Tempoh 15 hari tersebut bersamaan tempoh Ops Sikap IX dan VII yang dilaksanakan oleh PDRM. (Untuk mengetahui laporan peringkat kebangsaan dengan lebih lanjut, sila lihat muka surat 14).

Bagaimanapun jumlah kos untuk membaiki kerosakan kemalangan di musim perayaan didapati menurun daripada **RM189,837.35** tahun lalu kepada **RM179,484.31** tahun ini. Jumlah itu mewakili kos yang dituntut melalui insurans dan yang tidak dituntut.

Walaupun mencatatkan penurunan, purata kos pembaikan musim perayaan masih tinggi berbanding purata sebelas bulan (setakat November) iaitu masing-masing pada **RM3,901.83** dan **RM3,772.08**. Ini menunjukkan kadar kemalangan bukan sahaja meningkat di musim perayaan, malah tahap serius kerosakan yang dialami juga turut meningkat.

Dalam pada itu, daripada 46 kes kemalangan yang dicatatkan pada musim perayaan lepas, satu daripadanya adalah kemalangan maut yang meragut dua anggota Tentera Diraja Udara Malaysia (TUDM). Tiada kematian dicatatkan bagi musim perayaan 2004.

**Jumlah Kemalangan dan Kos Pembaikan Fleet Kerajaan Persekutuan**



Daripada jumlah itu juga, sebanyak lima kes kemalangan didapati tidak dilaporkan. Seksyen 52 Akta Pengangkutan Jalan Raya 1987 memperuntukkan supaya setiap kemalangan jalan raya dilaporkan kepada polis. Kegagalan membuat laporan adalah menyalahi undang-undang dan pemandu boleh dikenakan tindakan terhadap kesalahan serius itu.

### Perangkaan Keseluruhan Tahun

Sementara itu, jumlah fleet konsesi mencecah 5,081 setakat November 2005. Jumlah kemalangan pula adalah sebanyak 1,498 kes manakala kos pembaikan kemalangan RM5.6 juta.

Sebanyak tiga kes kemalangan maut dicatatkan yang meragut enam mangsa kesemuanya sepanjang 2005. SPANCO mengucapkan takziah kepada keluarga mangsa dan berharap kejadian menyedihkan seperti itu tidak akan berulang.


Di samping itu, sebanyak 14,119 saman PDRM dikeluarkan terhadap kereta konsesi di bawah seliaan SPANCO setakat November. Daripada 34,093 saman

tertunggak yang belum dijelaskan, 32,158 saman atau 94 peratus merupakan notis kesalahan had laju.

Ini bermakna saman had laju kekal sebagai kesalahan terbanyak yang dicatatkan oleh fleet Kerajaan Persekutuan, melebihi 90 peratus daripada jumlah keseluruhan saman yang diterima setiap tahun. Oleh kerana memandu terlalu laju merupakan penyumbang terbesar kepada kemalangan maut, maka trend demikian perlu dibendung bagi mengurangkan angka kematian.

SPANCO meminta kerjasama penuh daripada semua pelanggan yang terdiri daripada kakitangan awam untuk mengubah tabiat itu di samping sama-sama menyahut seruan untuk mengurangkan kadar kemalangan di jalan raya Malaysia.

### Pecahan Saman Tertunggak Mengikut Kesalahan Setakat November 2005



|                           |                            |
|---------------------------|----------------------------|
| ● Saman 32,158            | ● Potong Lampu Isyarat 277 |
| ● Halang Lalu Lintas 886  | ● Lain-Lain 284            |
| ● Larang Letak Kereta 488 | <b>TOTAL : 34,093</b>      |

## TAKZIAH

### UNTUK ENAM MANGSA KORBAN JALAN RAYA

TAHUN 2005 merupakan tahun dukacita buat semua rakan sekerja di SPANCO apabila mengenang kembali tragedi kemalangan jalan raya yang membabitkan kereta konsesi.

Seramai enam mangsa terkorban dalam tiga kemalangan maut berasingan pada kalendar tahun ini.

Susulan itu, SPANCO ingin merakamkan takziah kepada semua ahli keluarga mangsa-mangsa nahas kemalangan seperti berikut:

Allahyarham Prebet Yusmadi Sabli, dari Kementerian Pertahanan (KEMENTAH) yang terkorban dalam nahas kemalangan pada 18 Julai.

Allahyarham Asisten Komisioner Tun Majid Tun Abd Rahim dan isteri, Allahyarham Patimah Hassan, serta Allahyarham Lans Koperat Che Malid Che Man, dari Polis Diraja Malaysia (PDRM) yang terkorban dalam nahas pada 29 Ogos.

Allahyarham Mohamad Noor Fazli Wasli dan Allahyarham Harun Selamat, dari Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) yang terbabit dalam nahas pada 28 Oktober.

Sesungguhnya pemergian mereka tiada pengganti dan amat dirasai.

Sebagai anggota pasukan keselamatan, mereka semua telah berkhidmat mencurahkan bakti kepada bangsa dan negara.


SPANCO berharap apa jua sumbangan yang dihulurkan dapat meringankan beban yang ditanggung oleh keluarga mangsa.

Semoga roh mereka dicucuri rahmat dan ditempatkan bersama orang-orang yang beriman.

\* \* \* **Al-Fatihah.** \* \* \*



# Unit Kawalan Senggaraan



**MC...**  
 Dengan menelefon talian bebas tol 1-800-88-6999, panggilan anda akan terus disambungkan ke Unit Kawalan Senggaraan di mana rakan sekerja kami akan sedia membantu.

## Berkembang Seiring Peningkatan Jumlah Fleet

**P**ADA awal penubuhan SPANCO, pihak pengurusan telah mewujudkan satu unit khas untuk mengurus serta mengawal selia kereta konsesi yang disenggarakan di Pusat Servis Diiktiraf (PSD) di seluruh Malaysia. Unit Kawalan Senggaraan atau Maintenance Controller (MC) diwujudkan bagi tujuan itu pada 1994.

Urusan operasi MC pada mulanya ditempatkan di Pusat Servis Wilayah (PSW) SPANCO Segambut kemudiannya dipindahkan ke Ibu Pejabat pada 2003. Seterusnya, ekoran daripada pembukaan pusat servis yang lebih luas dengan kawasan yang lebih selesa, MC sekali lagi dipindahkan ke PSW SPANCO terbaru di Batu Caves pada 15 Julai 2005.

Sepanjang 11 tahun unit itu beroperasi, ia telah berkembang seiring dengan peningkatan jumlah fleet kereta konsesi. Pada awalnya, MC hanya dianggotai oleh dua orang kakitangan sahaja iaitu Encik Azahari Md Lazim dan Encik Richard Velayuthan. Bagi memantapkan lagi perkhidmatan yang disediakan, kakitangan ditambah kepada enam orang pada tahun berikutnya dan 10 orang pada 1998.

Kini Unit MC dianggotai oleh 11 kakitangan yang dipimpin oleh Encik Azahari selaku Penolong Pengurus Kawalan Senggaraan. Anggota unit ini rata-rata dibarisi oleh rakan sekerja yang mahir lagi berpengalaman. Ada yang bermula dari bawah sebagai pelatih, kemudian mekanik dan seterusnya

penasihat servis sebelum menjawab jawatan sebagai Eksekutif.

Bagi Encik Azahari sendiri, beliau telah berkecimpung di dalam bidang pemotoran selama 20 tahun dan pernah mendapat latihan daripada sebuah syarikat automotif terkemuka tanah air, Cycle & Carriage Bintang dari 1984 ke 1989. Seterusnya beliau berhijrah ke sebuah syarikat lain untuk menimba pengalaman sebelum berkhidmat di SPANCO dari 1994 sehingga kini.

Kemahiran dan pengalaman yang dimiliki setiap anggota MC sudah pasti dimanfaatkan sepenuhnya untuk menyediakan perkhidmatan fleet yang profesional kepada pelanggan SPANCO.





**KAWALAN MUTU... Jurutera Encik Mohd Wazir Ahmad Kassim sedang melakukan pemeriksaan terakhir terhadap sebuah kereta sebelum menyerahkan kepada pelanggan.**

### Tugas Utama MC ialah:


- Sebagai 'Call Centre' yang menyediakan perkhidmatan 24 jam, 7 hari seminggu.
- Memberi kod kelulusan kepada PSD sebelum kerja pembaikan dijalankan terhadap kereta konsesi SPANCO.
- Memantau kerja pembaikan biasa dan pembaikan kemalangan yang dibuat oleh PSD.
- Melakukan pemeriksaan PSD bagi menjamin mutu pembaikan yang tinggi dapat dibuat terhadap kereta konsesi.
- Memastikan PSD mendapat bayaran untuk kerja yang telah dilakukan.
- Membantu pelanggan-pelanggan SPANCO yang mengalami kerosakan kereta konsesi tanpa mengira waktu dan keadaan.
- Membantu pelanggan di dalam menyediakan kereta gantian.
- Menguruskan perjalanan operasi PSW SPANCO Batu Caves selepas waktu pejabat.

Sejajar kemajuan teknologi terkini, faktor lokasi dan jarak bukanlah menjadi penghalang di dalam meningkatkan mutu perkhidmatan kepada pelanggan. Sebagai contoh, menerusi penghantaran gambar kemalangan melalui e-mel, Unit MC kini dapat memberi kelulusan segera kepada PSD, seterusnya masa pembaikan dapat dipendekkan.


Oleh kerana teknologi maklumat dan komunikasi merupakan tulang belakang perjalanan operasi harian MC, SPANCO akan terus melabur dan meningkatkan tahap pembangunan dalam Sistem Komputer Pengurusan Kenderaan setanding dengan yang terdapat di negara maju. Ini akan menarik lebih ramai pelanggan untuk menggunakan perkhidmatan yang disediakan.

### Saiz Fleet Konsesi

Mengikut Model (%)



Umur Fleet (%)





**AZAHARI...** Kejujuran dan sikap kerja berkumpulan adalah antara yang ditekankan oleh Penolong Pengurus Kawalan Senggaraan ini.

### 2006 Lebih Mencabar

Tahun 2006 merupakan tahun yang lebih mencabar bagi Encik Azahari kerana beliau telah dipertanggungjawabkan oleh pihak pengurusan SPANCO untuk mengawal selia kereta konsesi yang mencecah lebih dari 5,000 buah. Selain itu beliau juga diberi tugas untuk mengawasi kerja pembaikan yang dibuat di dua buah pusat servis SPANCO iaitu PSW Batu Caves dan PSW Bangi.


Fokus utama beliau bersama rakan sekerja di Unit MC ialah memastikan kos yang efektif dibelanjakan pada setiap kereta konsesi tanpa mengabaikan mutu perkhidmatan. Berpegang kepada slogan 'Tiada pelanggan - Tiadalah kita', maka perkhidmatan yang berorientasikan pelanggan merupakan prinsip yang penting di dalam operasi SPANCO serta amat dititikberatkan oleh pihak atasan.

*Berpegang kepada slogan 'Tiada pelanggan - Tiadalah kita', maka perkhidmatan yang berorientasikan pelanggan merupakan prinsip yang penting di dalam operasi SPANCO serta amat dititikberatkan oleh pihak atasan.*

Mengimbas kembali 11 tahun menerajui Unit MC, berbagai perkara manis dan pahit dirasakan oleh Encik Azahari. Beliau menganggap kepercayaan yang diberikan oleh pihak atasan pengurusan SPANCO dalam menguruskan kereta konsesi sebagai tanggungjawab besar yang perlu dilaksanakan secara amanah.

Justeru perkara yang amat ditekankan oleh beliau kepada setiap anggota ialah sentiasa 'BERSIKAP JUJUR'. Kejujuran merupakan teras utama dalam menguruskan operasi MC tambahan pula keseluruhan transaksi melibatkan kos yang besar kepada Syarikat. Selain itu setiap anggota MC mesti mempunyai sikap kerja berkumpulan yang tinggi bagi menjamin kelancaran operasi harian.

## Rangkaian Perkhidmatan





# Panel Pusat Servis

## Kriteria ketat jamin mutu perkhidmatan

*Pusat Servis Diiktiraf adalah panel yang dilantik oleh SPANCO bagi kerja penyenggaraan dan pembaikan fleet kereta konsesi. Ia mesti memenuhi syarat-syarat tertentu.*

**P**ERMINTAAN untuk servis yang disediakan di Pusat Servis Wilayah Batu Caves dan Bangi pasti tidak dapat dipenuhi sepenuhnya tanpa sokongan panel bengkel yang dilantik oleh SPANCO. Ini kerana terdapat lebih 5,000 buah kereta fleet Kerajaan Persekutuan di seluruh Malaysia setakat ini.

Jumlah dijangka akan terus meningkat dan bagi memenuhi keperluan, Pusat Servis Diiktiraf atau PSD dilantik untuk mengendalikan kerja-kerja pembaikan dan penyenggaraan itu.

Bagaimanapun pemilihan dan pelantikan PSD dilakukan secara teliti berpandukan tanda aras yang telah ditetapkan. Ia bagi memastikan perkhidmatan PSD setanding kualiti yang terdapat di Pusat Servis Wilayah SPANCO.

Antaranya PSD perlu mempunyai kemudahan asas yang wajib selain terletak di laluan yang mudah, diiktiraf oleh PIAM dan menjadi wakil francais sama ada EON ataupun PROTON Edar.

Di samping itu, kriteria lain ialah:

### LOKASI

Jarak antara dua PSD yang berlainan hendaklah tidak kurang daripada 25 kilometer, bertujuan menggalakkan peluang perniagaan dan mengelakkan persaingan yang kurang sihat.

Peta taburan PSD disusun semula bermula 2004 dengan menumpukan pelantikan di lokasi yang mempunyai kepadatan fleet kereta konsesi yang tinggi seperti di bandar-bandar utama.

### KELENGKAPAN

Pusat servis perlu memiliki kelengkapan bengkel minimum yang ditetapkan dan sekurang-kurangnya mempunyai seorang tenaga kerja teknikal mahir yang berkelayakan. Kepakaran dan kemahiran mesti selaras dengan perkembangan kemajuan teknologi terkini.

### KEDUDUKAN KEWANGAN

Pusat servis mestilah berdaftar dan mempunyai kedudukan kewangan yang stabil dan kukuh. Ia juga perlu menyediakan insurans yang melindungi kereta pelanggan yang diletakkan di premis mereka.

### JENIS SERVIS

Keutamaan pelantikan yang baru diberikan kepada pusat servis yang menawarkan perkhidmatan berbeza daripada yang sedia terdapat di daerah, pekan atau bandar itu.

### ALAT GANTI TULEN

Paling penting, pusat servis mesti menggunakan alat ganti tulen dalam semua kerja pembaikan dan penyenggaraan kereta konsesi. SPANCO tidak akan berkompromi dengan mana-mana panel yang melanggar syarat ini.

### PELANGGAN DIUTAMAKAN

Bagaimanapun jika tiada pusat servis yang dapat memenuhi kriteria yang ditetapkan, SPANCO sedia mempertimbangkan mana-mana pusat servis yang lain sekiranya diminta oleh pihak pelanggan.

Di bawah penyusunan semula organisasi, pengurusan PSD kini diletakkan di bawah Unit Kawalan Senggaraan (MC). Ia bertujuan menjamin mutu perkhidmatan yang terbaik sentiasa disediakan kepada pelanggan di seluruh negara pada sepanjang masa.

Pelanggan kini boleh pergi ke PSW Batu Caves dan Bangi atau mana-mana daripada 223 PSD di seluruh negara untuk mendapatkan apa jua perkhidmatan yang diperlukan seperti servis lazim, khidmat tunda, rombak rawat, ketuk badan, hawa dingin, tayar dan lain-lain lagi.

# 2005 Dalam Kenangan

TAHUN 2005 mencatatkan beberapa peristiwa penting buat SPANCO. Antaranya, keahlian Syarikat dalam Persatuan Pengurus Fleet Australia (AfMA), sebuah pertubuhan fleet antarabangsa yang disegani,. Sementara itu, perkhidmatan dalam talian yang interaktif melalui laman web rasmi turut diperkenalkan tahun ini. Acara kemuncak ialah pembukaan pusat servis terbaru di Batu Caves pada Julai lalu, yang mendapat sambutan memberangsangkan daripada pelbagai pihak terutama pelanggan. Pelaburan dan usaha berterusan ini membuktikan komitmen SPANCO kepada Kerajaan Malaysia. Berikut ialah beberapa sedutan bergambar yang dirakamkan sepanjang 2005 untuk tatapan bersama.



**PATRIOTIK...** Anggota TUDM berbaris di sebelah kereta mereka yang siap dipasang dengan bendera Malaysia. Jalur Gemilang diedarkan secara percuma kepada pelanggan setiap kali menjelang Hari Kebangsaan.



**TINGGAL KENANGAN...** Allahyarham Datin Seri Endon Mahmood mendendangkan dua buah lagu pada malam Konsert Kasih yang diadakan di ibu negara pada Januari 2005. SPANCO turut terlibat dalam persembahan amal itu bagi mengutip derma membantu mangsa tragedi tsunami.



**KUNJUNGAN...** Pegawai Perbendaharaan, Encik Mohd Radzi Abd Hamid (dua dari kiri) melawat sebuah pusat servis di Sandakan pada Julai 2005. Lawatan ke pusat servis di seluruh negara adalah salah satu aktiviti Program Lawatan Tahunan yang dilakukan sepanjang tahun.





**TANGGUNGJAWAB SOSIAL...** Ketua Pegawai Eksekutif ntv7 menunjukkan air mineral yang akan dihantar ke Aceh, Indonesia pada pelancaran program membantu mangsa tsunami luar negara. SPANCO, diwakili Ketua Pegawai Eksekutif, Dato' Hamzah Mohd Salleh (dua dari kiri), adalah antara yang terawal menghulurkan sumbangan ke dalam dana itu.



**LIPATAN SEJARAH...** Setelah lebih 11 tahun beroperasi, Pusat Servis Wilayah di Segambut hanya tinggal sejarah apabila secara rasmi ditutup pada Julai lalu bagi memberi laluan kepada pusat servis yang lebih besar dan luas.



**TERBARU...** Mercu tanda SPANCO, Pusat Servis Wilayah Batu Caves mula beroperasi sepenuhnya pada 18 Julai. Ia menelan belanja sebanyak RM10 juta dan memenuhi piawaian mutu tertinggi yang ditetapkan oleh Syarikat.



**IKUT SERTA...** Anggota PDRM mendengar Taklimat yang disampaikan oleh wakil SPANCO di salah satu Program Lawatan Tahunan yang diadakan di Pulau Pinang pada Mac.



**SAMBUTAN...** Seramai 89 peserta dari pelbagai Jabatan serta Kementerian di Terengganu dan Kelantan menghadiri Taklimat yang terakhir untuk 2005 di Kota Bharu pada 27 September. Seterusnya, wakil-wakil SPANCO akan menemui pelanggan pada Program Lawatan Tahunan 2006 yang bermula Mac.

# OPS SIKAP IX

## 70 peratus nahas maut punca kecuai

**NGERI...** Beginilah padahnya apabila pengguna mengambil sikap lewa terhadap undang-undang jalan raya.

Kemalangan di jalan raya persekutuan meragut 102 nyawa manakala di lebuh raya sebanyak 23, jalan negeri (67), jalan bandar (27) dan lain-lain (14). Sebanyak 70 peratus daripada keseluruhan kes kemalangan maut adalah akibat kecuai dan kegagalan pemandu mengawal kenderaan.

Sementara itu, jumlah keseluruhan kes kemalangan adalah sebanyak 13,462 kes, iaitu peningkatan sebanyak 1,853 atau 15.7 peratus berbanding Ops Sikap VII.

Selangor mencatat angka tertinggi dengan 3,184 kemalangan diikuti Johor (1,713), Perak (1,392), Kuala Lumpur (1,345), Pulau Pinang (1,269), Kedah (747), Negeri Sembilan (701), Pahang (682), Kelantan (505), Terengganu (484), Sabah (478), Sarawak (456), Melaka (448) dan Perlis (58).

Faktor utama punca kemalangan adalah sikap manusia yang tidak sabar sehingga hilang pertimbangan. Secara statistik kegagalan mengawal kenderaan sendiri sehingga terbabas merupakan penyumbang terbesar dengan 28 peratus daripada keseluruhan kemalangan.

Tabiat buruk lain yang mengakibatkan kemalangan adalah 'makan jalan' sebanyak 18.7 peratus, cuba memotong 15.5 peratus, tidak menyedari kenderaan lain 7.3 peratus, kecuai semasa keluar dan masuk simpang 7 peratus, kecuai ketika melintas jalan 5.2 peratus, melawan aliran trafik 1.9 peratus, letih atau mengantuk 1.4 peratus, langgar isyarat lampu merah dan berlumba masing-masing 1 peratus dan lain-lain 7.5 peratus.

Selain itu, polis turut mengeluarkan 144,824 saman terhadap pelbagai kesalahan trafik sepanjang 15 hari operasi dijalankan.

**O**PS Sikap IX sempena musim perayaan bagi tempoh 27 Oktober hingga 10 November 2005 menunjukkan kematian akibat nahas jalan raya seramai 233 orang.

Angka tersebut menunjukkan kenaikan 16.5 peratus atau 33 kematian berbanding Ops Sikap VII. Secara terperinci, mereka yang terbunuh adalah seperti berikut:


- 141 membabitkan penunggang dan pembonceng motosikal, di mana 13 daripada mereka tidak mempunyai lesen;
- 55 orang penumpang kereta;
- 17 pejalan kaki;
- 8 penunggang basikal;
- 3 penumpang teksi;
- 3 lori;
- 2 pemandu van;
- 2 pemandu jip;
- 1 penumpang bas; dan
- 1 penumpang lain-lain kenderaan.



# Kereta kini semakin selamat

*Zon remuk dan beg udara yang direka untuk menyerap daya hentakan memberi sumbangan dalam mengurangkan kadar kemalangan jalan raya yang membawa maut*

**W**ALAU PUN media sering melaporkan statistik kemalangan jalan raya yang semakin meningkat sejak beberapa tahun lalu, fakta sebenarnya adalah jalan raya kini, terutamanya di negara-negara maju, adalah lebih selamat berbanding semasa kereta mula dicipta. Peningkatan tahap keselamatan kereta merupakan salah satu faktor penyumbang.



## Zon lemah yang strategik

Kereta kini semakin selamat kerana kebanyakannya direka dengan 'zon kemek' untuk menyerap sebanyak mungkin tenaga daripada impak pelanggaran depan dan belakang. Tujuannya ialah untuk mengurangkan tenaga pelanggaran daripada dipindahkan kepada penumpang apabila sesebuah kenderaan itu berlanggar dengan objek padu.

## Tali pinggang keledar

Semasa pelanggaran, tali pinggang keledar mengagihkan tekanan ke bahagian yang paling kuat di tubuh manusia – iaitu di dada dan pelvis. Tanpa tali pinggang keledar, penumpang akan terus bergerak ke hadapan semasa impak depan sehingga diberhentikan oleh objek

seperti cermin hadapan, stereng, papan pemuka atau kerusi hadapan. Penumpang yang tidak memakai tali pinggang keledar juga boleh menjadi penyebab kepada kecederaan penumpang lain.

## ABS

Sistem brek anti-kunci atau ABS direka untuk menghalang brek daripada 'terkunci' – iaitu apabila tayar berhenti berpusing dan mula menggelincir. ABS mengurangkan kehilangan cengkaman semasa berhenti di saat kecemasan dan meningkatkan kebolehan pemandu untuk mengawal kenderaan.

Sistem ini bertindak melalui alat pengesan pengawal berkomputer yang terdapat di setiap tayar. Pemandu yang menekan brek semasa kecemasan akan merasa

## Rangka yang lebih kukuh

Kereta lebih selamat kerana ia lebih kukuh di bahagian-bahagian yang penting. Untuk melindungi penumpang daripada impak secara terus, kompartmen penumpang perlu mengekalkan bentuknya semasa pelanggaran.

Antara standard reka bentuk bagi keselamatan kenderaan adalah keperluan keteguhan dan kekukuhan bagi pintu tepi dalam melindungi penumpang daripada impak pelanggaran bahagian tepi; turus stereng mudah patah untuk mengurangkan risiko terhimpit atau kecederaan akibat cucukan daripada impak hadapan; kunci pintu anti-pecah; dan salutan pada panel peralatan.

'denyutan' pada penekan brek, iaitu hasil tekanan silih berganti yang menaik dan menurun pada brek oleh pengawal.

## Faedah keselamatan yang lebih

Pengeluar kereta kini mengeluarkan kereta yang semakin selamat dan kita dapat menjangka lebih banyak peningkatan di masa hadapan. Sebagai contohnya, beg udara pintar yang dapat menyesuaikan kadar pengembangan dan tali pinggang keledar yang malaraskan tekanan bergantung pada berat badan penumpang kini merupakan ciri biasa bagi kereta baru. Manakala pengesan yang meningkat atau mengurangkan kelajuan kereta menurut keadaan trafik kini boleh didapati.

Walau bagaimanapun, alat keselamatan bukan merupakan jaminan mutlak. Pemandu mestilah bertanggungjawab memantau keselamatan kereta serta sikap mereka semasa memandu.

# Kegunaan Beg Udara Yang Betul Dapat Selamatkan Nyawa

*Dalam pelanggaran yang kuat, beg udara akan keluar secara automatik dari papan pemuka untuk mengelakkan kecederaan kepada pemandu. Pelajari cara untuk mendapatkan faedah keselamatan beg udara secara maksimum.*

**B**EG udara — disertai dengan tali pinggang keledar riba dan bahu — telah banyak menyelamatkan nyawa dan menghalang kecederaan dalam kemalangan kenderaan bermotor.

Idireka khas untuk bertindak serta merta akibat hentakan yang kuat lalu membentuk kusyen udara bagi melindungi kepala dan dada pemandu atau penumpang melentok ke hadapan. Beg udara selalunya terdapat di tengah-tengah stereng atau di tempat simpanan barang di hadapan penumpang bersebelahan pemandu.

**PERLINDUNGAN...** Komputer akan mengesan sama ada beg udara perlu diaktivasikan semasa pelanggaran.

Walau bagaimanapun, terdapat kemusykilan mengenai keselamatan beg udara. Sebagai contohnya, kanak-kanak yang duduk di kerusi hadapan boleh mengalami kecederaan serius atau terkorban apabila beg udara terkeluar semasa kemalangan.

Untuk mengurangkan jumlah kecederaan dan kematian akibat kombinasi beg udara dan kedudukan penumpang terutamanya kanak-kanak, yang tidak betul, pemandu mestilah sedar akan kaedah keselamatan yang betul.

## FUNGSI BEG UDARA

Beg udara direka untuk impak hentakan hadapan yang merupakan hampir separuh daripada punca kematian penumpang kenderaan. Beg udara direka untuk mengurangkan kecederaan kepala dan dada. Walau bagaimanapun, ia hanyalah tambahan dan BUKANNYA pengganti kepada tali pinggang keledar.

## FAEDAH

Pada tahun 1999, di A.S. sahaja, anggaran 1,263 nyawa telah terselamat kerana beg udara. Statistik A.S. menunjukkan risiko kematian akibat impak hadapan dapat dikurangkan sebanyak 30 peratus melalui penggunaan beg udara. Ujian pelanggaran di Australia menunjukkan risiko kecederaan kepala yang serius dapat dikurangkan sebanyak 50 peratus atau lebih bagi kebanyakan kereta bersaiz keluarga.

## BAGAIMANAKAH IA BERFUNGSI

Untuk berfungsi, beg udara terkeluar dari papan pemuka dengan sekelop mata:





**JANGAN KELIRU...**

Beg udara amat berkesan hanya jika pemandu dan penumpang mengenakan tali pinggang keledar dengan betul.

- Dalam jangka masa 15 hingga 20 milli-saat selepas impak, pengesan hentakan dan unit kawalan menentukan tahap kekerasan pelanggaran dan menentukan sama ada beg udara perlu dikeluarkan.
- Pada anggaran 25 milli-saat, beg udara membelah pad pelindung pada tempat yang telah ditetapkan dan mula mengembang dengan pantas.
- Pada anggaran 45 milli-saat, beg tersebut akan mengembang sepenuhnya manakala penumpang yang memakai tali pinggang keledar masih bergerak ke hadapan.
- Selepas anggaran 60 milli-saat, penumpang tersentuh beg udara yang akan mula kempis melalui lubang-lubang di bahagian belakang.
- Dalam masa anggaran 100 milli-saat, penumpang akan terus terbenam ke dalam beg udara yang bertindak sebagai kusyen bagi kepala dan dada semasa ia sedang kempis.

Oleh itu beg udara tersebut bertindak sebagai pelindung di antara penumpang dengan permukaan keras dalaman kereta.

**RISIKO**

Semasa membrek sebelum berlakunya pelanggaran, pemandu atau penumpang yang tidak memakai tali pinggang keledar mungkin akan tercampak ke papan pemuka yang berhampiran dengan tempat beg udara. Mereka yang tidak memakai tali pinggang keledar atau tidak memakainya dengan betul (hanya memakai bahagian riba sahaja) boleh mengalami kecederaan serius atau maut apabila beg udara terkeluar.



**LANGKAH KESELAMATAN**

Pemandu perlu mengelakkan kecederaan yang berkaitan dengan beg udara terhadap orang dewasa dan kanak-kanak dengan mematuhi langkah-langkah keselamatan kritikal yang berikut:

**BAGI KANAK-KANAK**

- Kanak-kanak berumur 12 tahun ke bawah perlu duduk di belakang dengan memakai tali pinggang keledar.
- JANGAN sekali-kali meletakkan bayi di dalam kerusi keselamatan yang menghadap belakang di kerusi penumpang hadapan yang mempunyai beg udara.
- Kanak-kanak kecil perlu duduk di kerusi belakang di dalam kerusi keselamatan yang sesuai dengan umur dan saiz mereka.
- Sekiranya kanak-kanak berumur lebih setahun perlu duduk di kerusi penumpang hadapan yang mempunyai beg udara, letakkan kanak-kanak tersebut di dalam kerusi keselamatan menghadap depan, kerusi booster, atau pakaikan tali pinggang keledar yang betul— SERTA alih kerusi sejauh mungkin ke belakang.

**BAGI ORANG DEWASA**

- Semua orang hendaklah memakai tali pinggang keledar di bahagian riba dan bahu dalam setiap perjalanan.
- Tali pinggang bahagian riba hendaklah diletakkan di bawah abdomen dan rendah di pinggang. Bahagian bahu hendaklah terletak pada tulang selangka jauh dari leher dan menyilang tulang dada.
- Tali pinggang bahagian bahu dalam kebanyakan kereta baru boleh diselaraskan pada bahagian tepi supaya lebih sesuai.
- Pemandu dan penumpang yang duduk di hadapan hendaklah duduk sejauh mungkin, mengikut kesesuaian, terutamanya bagi mereka yang mengandung atau mereka yang pendek.

Faedah beg udara adalah terbaik sekiranya semua orang memakai tali pinggang keledar dan kanak-kanak didudukkan dengan cara yang betul di bahagian belakang. Semua penumpang kereta yang mempunyai beg udara hendaklah sedar akan potensi bahaya dan menentukan mereka duduk dengan betul. Anda dapat membantu menyedarkan komuniti anda dengan fakta ini.

# Bateri:

## Pastikan berkeadaan baik untuk kelancaran perjalanan

*Kebanyakan aduan kerosakan yang diterima oleh pusat servis berpunca daripada masalah bateri yang gagal berfungsi. Justeru itu penjagaannya tidak boleh sama sekali diabaikan oleh pemandu*

**T**ANPA bateri, adalah sukar bagi enjin kenderaan untuk digerakkan. Memang benar, enjin kenderaan menghasilkan kuasa melalui pembakaran tenaga fosil sama ada petroleum, diesel mahupun gas asli. Namun pembakaran itu memerlukan tenaga elektrik bagi mencetuskannya.

Bagi kereta berenjin petrol, tenaga elektrik yang dibekalkan oleh bateri digunakan untuk menghidupkan enjin. Selain itu, tenaga elektrik juga diperlukan untuk menghidupkan lampu, hon, radio, CD, pendingin hawa serta aksesori lain yang menjamin keselesaan pemandu dan penumpang.

Sumber tenaga elektrik yang ada pada kenderaan dibekalkan oleh 'alternator' kepada bateri. Bateri sebagai tempat simpanan tenaga membekalkan tenaga elektrik ketika enjin mati dan untuk menghidupkan enjin. Sebaliknya 'alternator' pula memulihkan semula tenaga bateri dan memenuhi keperluan peralatan aksesori semasa enjin hidup.

Setiap kali menghidupkan enjin kenderaan, bateri akan dicas semula oleh 'alternator'.

Apabila sampai satu tempoh jangka hayat dan telah lama digunakan, bateri perlu diganti dengan yang baru jika ia tidak lagi mampu dicas semula.



**TAMBAH...** Paras air bateri perlu sentiasa berada pada tahap minimum dan maksimum yang tertera pada sisi bateri.

Punca bateri gagal:

- Cas tidak cukup.
- Cas berlebihan.
- Air bateri kurang.
- Sarat muatan (banyak aksesori).
- Suhu tinggi.
- Air bateri tercemar.
- Bateri lama.

### Menjaga bateri kereta

Dalam banyak kes, bateri gagal berfungsi kerana pemandu lupa mematikan lampu atau gagal memastikan paras air bateri yang mencukupi. Dalam pada itu, bateri menunjukkan tanda awal akan rosak jika enjin sukar dihidupkan dengan lancar. Tanda-tanda itu memberi isyarat bahawa hayat bateri hampir lupus dan perlu diganti. Lakukannya dengan segera sebelum kereta terkandas di tengah-tengah perjalanan.



### Memanjangkan hayat bateri:

- Periksa air bateri dengan kerap. Parasnya mesti antara tahap minimum dan maksimum yang tertera pada sisi bateri. Gunakan air suling dan bukan air paip.
- Pastikan penutup sentiasa ketat bagi mengelak tumpahan.
- Terminal bateri mesti dijaga supaya sentiasa bersih, ketat dan tidak berkarat. Sapu sedikit jeli petroleum pada terminal yang bersih bagi menghindar karat dan pengoksidaan.
- Sebelum menghidupkan enjin, matikan semua suis dan aksesori.
- Jangan sekali-kali membiarkan lampu atau peralatan lain menyala jika tidak diperlukan, terutama ketika enjin mati.
- Selalu hidupkan enjin jika jarang digunakan. Bateri akan gagal berfungsi jika terbiar terlalu lama.

### Semasa memeriksa atau mengganti bateri:

- Matikan semua suis.
- Pastikan mata dilindungi daripada sisa gas dan air bateri.
- Jauhkan percikan api dari bateri kerana ia mudah terbakar.
- Pastikan wayar terminal yang betul dipasang pada terminal bateri.
- Minta nasihat mekanik sebelum membuka dan menyambung kabel bateri terutama bagi kereta yang dilengkapi dengan sistem elektronik.

### Membeli bateri


Sebelum membeli bateri baru, pastikan berikut:

- Kekerapan penggunaan dan jumlah aksesori – jika sering menggunakan kereta dengan pelbagai aksesori elektrik, anda disarankan memilih bateri yang mempunyai *ampere rating* yang tinggi.
- *Maintenance-free* – bateri bebas senggaraan tahan lebih lama, kadar cas semula lebih cepat dan tidak perlu dijaga.
- Saiz terminal dan bateri –

## JUMP START

Jika enjin tidak dapat dihidupkan kerana bateri lemah atau tidak lagi berfungsi, bateri daripada kenderaan lain boleh digunakan untuk menghidupkan enjin kereta anda melalui kabel pelompat.

- Letakkan kenderaan lain itu supaya kedua-dua bateri berada paling hampir dan boleh disambungkan dengan kabel pelompat.
- Awas! Jangan sampai kedua-dua kenderaan bersentuhan.
- Sebelum menyambungkan kabel, pastikan brek tangan ditarik, enjin serta semua suis lampu dan aksesori dimatikan.
- Sambungkan kabel pelompat mengikut tertib berikut:



1. satu hujung kabel merah ke terminal positif (+) bateri anda;
2. hujung yang satu lagi ke terminal (+) bateri penggalak;
3. satu hujung kabel hitam ke terminal negatif (-) bateri penggalak; dan
4. hujung satu lagi ke terminal (-) bateri anda.

- Hidupkan enjin bateri penggalak dan biarkan melahut selama seminit.
- Hidupkan enjin kereta anda.
- Setelah berjaya menghidupkan kereta anda, cabut semula kabel mengikut tertib berlawanan iaitu 4, 3, 2, dan 1.

Awas! 'Jump start' dengan cara yang salah boleh merosakkan kereta yang dilengkapi sistem pengurusan enjin elektronik.

pastikan terminal bateri dan bateri yang baru mempunyai ukuran yang sama.

### Bateri bebas senggaraan

Bateri bebas senggaraan mampu mengurangkan *breakdown* akibat masalah bateri dan secara tidak langsung meningkatkan tahap boleh gerak kenderaan. Seterusnya pemandu dapat menikmati penggunaan yang lebih lancar secara berterusan.

Ia mempunyai kelebihan, antaranya:

- Bebas daripada penjagaan.
- Hayat tiga kali ganda lebih lama

- Mampu dihidupkan walaupun kereta tidak digunakan untuk sekian lama.
- Kuasa permulaan dua kali ganda daripada bateri biasa.
- Kedap udara dan kandungan asid dijamin tidak bocor.
- Bebas karat.

Harga bateri bebas senggaraan adalah lebih mahal berbanding bateri biasa namun pulangnya lebih tinggi. Penggunaan bateri bebas senggaraan ternyata lebih memuaskan dan masa yang diluangkan untuk penyenggaraan dikurangkan.

# LANGKAH segera jika terbabit KEMALANGAN



**JANGAN PANIK...**  
Pemandu perlu mengikut prosedur semasa kemalangan seperti mencatatkan beberapa maklumat yang dikehendaki.

**E**NCIK Zainol (bukan nama sebenar) terlupa untuk mengambil beberapa butiran penting setelah terlibat dalam satu kemalangan di lebuh raya. Semasa membuat laporan polis, beliau tidak dapat menyatakan nombor pendaftaran kenderaan terbabit mahupun nama penuh pemandu itu. Akibatnya beliau kini terpaksa menanggung sendiri segala perbelanjaan membaiki kerosakan keretanya.

Panik dan hilang tumpuan, itulah sikap kebanyakan pemandu apabila terbabit dengan kemalangan di jalan raya. Fikiran mereka berkecamuk dengan pelbagai perasaan seperti takut, marah, hampa dan bimbang. Salah siapa? Apakah kesan terhadap kewangan atau kesihatan?

Namun, sebenarnya anda perlu bertenang. Ambil langkah bijak supaya dapat menghindarkan diri daripada menanggung kerugian dan melakukan kesilapan lebih besar. Jika anda pelanggan SPANCO dan terbabit dalam kemalangan, maka:

## **BERHENTIKAN KENDERAAN**

Selamatkan dan lindungi mangsa yang tercedera. Pastikan keadaan sekeliling kemalangan adalah selamat.

## **KENDERAAN LAIN**

Segera dapatkan nama, umur, alamat dan nombor telefon pemandu serta nombor pendaftaran dan model kenderaan lain yang terbabit. Pastikan anda mencatatkan butir-butir maklumat pejabat, jika kenderaan terbabit adalah hak pengurusan pejabat.

Selain itu, dapatkan segera nama syarikat insurans tuan punya kenderaan terbabit.

## **KETERANGAN DIRI**

Berikan butir diri anda seperti nama dan nombor pendaftaran kenderaan kepada pihak yang terbabit dalam kemalangan. Jika polis membantu di lokasi kemalangan, berikan butiran itu kepada mereka. Dapatkan juga butiran polis berkenaan seperti nama, pangkat, nombor anggota dan alamat balai anggota polis itu bertugas.

## **SAKSI**

Dapatkan senarai nama dan alamat saksi dalam kemalangan itu.

## **POLIS**

Patuhi semua prosedur kemalangan yang diberi oleh polis.

## **JANGAN BERBINCANG HAL KEMALANGAN**

Jangan berbuat demikian dengan sesiapa pun, kecuali polis, wakil ejen insurans anda dan pihak SPANCO.

## **SEGERA HUBUNGI SPANCO**

Hubungi talian **BEBAS TOL 1-800-88-6999** untuk mendapat bantuan dan khidmat nasihat.

## **LAKARAN KEMALANGAN**

Lakarkan punca dan keadaan kemalangan. Catatkan tarikh, masa dan nama jalan di mana ia berlaku.

## **LAPORAN**

Buat laporan polis dalam tempoh 24 jam.

Pelanggan SPANCO disarankan supaya menyerahkan dokumen berikut dengan segera:

- Salinan kad pengenalan (pemandu atau pelanggan)
- Salinan lesen memandu (pemandu/pelanggan)
- Salinan laporan polis yang disahkan
- Borang Tuntutan Insurans (SPANCO dan syarikat insurans)

## **MENGHADAPI KECEMASAN DI LOKASI**

Kecederaan lebih serius dan kematian dalam nahas jalan raya kadang kala dapat dielakkan jika orang yang pertama sekali tiba di tempat kejadian mempunyai pengetahuan asas pertolongan cemas serta mengetahui prosedur kecemasan yang patut diambil.



- Jangan hampiri lokasi kejadian sehingga anda benar-benar pasti ia selamat.
- Berhentikan kereta di satu tempat selamat dan hidupkan lampu kecemasan.
- Jika anda mempunyai segi tiga kecemasan, letakkan di lokasi kemalangan.
- Jangan merokok di tempat kejadian kerana dikhuatiri terdapat tumpahan minyak.
- Pastikan semua kenderaan yang terbabit tidak boleh bergerak dengan memastikan kunci pencucuh di posisi 'off' dan gear di posisi 'P'.
- Tentukan lokasi kejadian, jumlah mangsa dan bantuan profesional yang diperlukan.
- Jangan sekali-kali memindahkan mangsa kecuali terdapat api yang merebak, tumpahan asid atau lain-lain bahaya.
- Jika lebih seorang mangsa yang cedera, keutamaan sebaik-baiknya diberikan mengikut susunan berikut iaitu mangsa yang pengsan dan tidak bernafas, berdarah dan patah sebelum diikuti lain-lain kecederaan.
- Minta bantuan orang lain jika ada.
- Jangan memberi makan atau minum kepada mangsa yang cedera kerana dikhuatiri boleh memburukkan lagi keadaan sekali gus melambatkan rawatan perubatan.
- Jika mangsa mengalami pendarahan, tekan bahagian yang berdarah itu dengan kain pembalut atau apa-apa bahan yang boleh menyekat pendarahan buat sementara waktu.
- Ikut dan patuhi prosedur di atas sebelum bantuan ambulans dan bomba tiba.

### **TUNTUTAN INSURANS**

Setiap kereta konsesi sebenarnya dilindungi oleh polisi insurans yang komprehensif. Ia bertujuan untuk

melindungi pelanggan, penumpang, kereta konsesi dan apa jua liabiliti yang dituntut pihak ketiga apabila kemalangan terjadi.

Bagaimanapun, kebelakangan ini terdapat banyak kes di mana laporan polis lewat atau gagal sama sekali dibuat oleh pihak yang berwajib.

Akibat perbuatan yang tidak bertanggungjawab itu ialah:

- pelanggan perlu memberi penjelasan berhubung kelewatan membuat laporan melebihi tempoh 24 jam yang telah ditetapkan.

menyebabkan pembaikan tidak dapat dilakukan terhadap kereta yang terbabit dalam kemalangan.

Seksyen 52 Akta Pengangkutan Jalan Raya 1987 memperuntukkan supaya setiap kemalangan jalan raya dilaporkan kepada polis. Manakala Seksyen 104 pula menyebut adalah menjadi tanggungjawab pengadu untuk memaklumkan setiap kes kemalangan jalan raya, sama ada serius atau tidak, kepada syarikat insuransnya bagi membolehkan suatu tuntutan dibuat di bawah sesuatu polisi. Justeru pelanggan disarankan



**UNDANG-UNDANG... Seksyen 52 Akta Pengangkutan Jalan Raya 1987 memperuntukkan supaya setiap kemalangan dilaporkan kepada polis.**

- jika penjelasan tidak diterima oleh pihak insurans, pelanggan perlu menanggung semua kos pembaikan.
- jika gagal membuat laporan, pelanggan juga perlu menanggung semua kos pembaikan akibat kemalangan itu.

Di samping itu, kelewatan menyerahkan dokumen semasa membuat tuntutan insurans

supaya mematuhi segala peraturan semasa atau selepas kemalangan, sama ada yang ditetapkan oleh undang-undang jalan raya mahu pun pihak insurans. Ia bagi mengelakkan daripada sebarang kesulitan di kemudian hari.

# Kecederaan yang biasa dalam Kemalangan Jalan raya

*Jenis kecederaan yang mungkin terjadi semasa kemalangan jalan raya tiada batas: daripada limpa yang pecah hinggalah putus anggota badan, pecah tengkorak dan patah tulang rangka. Seseorang mangsa sering kali akan mengalami pelbagai jenis trauma.*



**K**EMALANGAN boleh berlaku sekiranya kita terlalai walaupun sesaat, tetapi akibatnya sangat buruk. Kemalangan kecil pun boleh menimbulkan kecederaan dan kesulitan yang berganda.

## Kecederaan buku lali

Walaupun ia merupakan sendi yang kuat, buku lali mudah cedera semasa kemalangan. Terkehel adalah perkara biasa. Terdapat juga kecederaan terhadap ligamen dan tisu lembut di sekeliling buku lali. Kadang kala X-ray adalah perlu untuk memastikan sama ada ia patah atau hanya lebam teruk.

## Kecederaan belakang

Kecederaan yang lazim akibat pelbagai jenis kemalangan termasuklah kemalangan kenderaan. Kecederaan belakang merupakan sebab biasa bagi seseorang bercuti kerja. Ada yang berpendapat pesakit kadang kala mengambil masa yang agak lama untuk pulih kerana mereka menggunakan otot yang salah bagi menggantikan kegunaan otot yang tercedera. Ini mengakibatkan lebih banyak tekanan dikenakan ke atas tulang belakang.

## Kecederaan otak

Perkara yang mungkin berlaku dan perlu dipantau rapi untuk mengelakkan keadaan seseorang pesakit menjadi bertambah buruk yang mungkin bermula dengan kecederaan kepala sama ada kecederaan tertutup, terbuka atau hentakan.

## Kecederaan kepala

Kecederaan kepala yang teruk pastinya akan mengakibatkan kerosakan otak yang boleh diberikan pampasan dalam tuntutan kecederaan peribadi. Tidak semua kecederaan kepala melibatkan kerosakan otak. Walau bagaimanapun, kadang kala, ia boleh mengakibatkan sawan.

## Kecederaan lutut

Sememangnya lutut mudah tercedera semasa bersukan, dua ligamennya merupakan bahagian yang paling mudah cedera semasa kemalangan kereta dan motosikal.

## Kecederaan tulang belakang

Kecederaan tulang belakang yang paling serius boleh mengakibatkan quadriplegia (kehilangan fungsi keempat-empat tangan dan kaki)

atau paraplegia (kehilangan fungsi dua anggota). Kecederaan mungkin penuh, iaitu tiada fungsi bahagian bawah tempat cedera, atau tidak penuh di mana sesetengah bahagian masih boleh berfungsi.

## Kecederaan piat

Kecederaan yang lazim semasa kemalangan jalan raya. Ia selalunya melibatkan ligamen, sendi tulang belakang dan tisu lembut pada leher. Dalam kebanyakan kes, kesan berpanjangan adalah jarang dan terdapat peluang untuk pulih seratus peratus.

Pemanduan yang berkaitan dengan pekerjaan merupakan salah satu sebab utama kemalangan yang dilaporkan di mana mereka yang kerap memandu menghadapi risiko kecederaan serius. Maka, adalah penting untuk mengurangkan jumlah kemalangan jalan raya bagi mengurangkan jumlah pekerja yang dimasukkan ke hospital.



# Kalendar SPANCO 2006



## Martabatkan Warisan Seni Malaysia

Seni adalah warisan bangsa yang tidak ternilai. Selain wadah kepada keseluruhan ilmu dan pemikiran masyarakat, seni, jelas sekali mencerminkan kemajuan, ketamadunan dan ketinggian peradaban bangsa yang mewarisinya.

Sememangnya, penghasilan karya seni yang baik memerlukan pengamatan yang tajam terhadap budaya, masyarakat dan persekitaran. Ia menuntut disiplin, kegigihan dan ketekunan si pencipta untuk menterjemahkan pengalaman itu ke dalam bentuk yang kemudiannya dapat ditatap dan dinilai bersama oleh masyarakat.

Seperti penghasilan karya seni yang bermutu, perkhidmatan fleet profesional juga menuntut disiplin yang serupa. Sejak ditubuhkan, SPANCO secara terus-menerus telah memperbaiki dan mempertingkatkan perkhidmatan melangkaui kehendak pelanggan sejajar nilai kehidupan yang tinggi seperti perasaan hormat, gigih serta mengutamakan mutu dalam segenap segi. Hasilnya kini dapat dikongsi bersama oleh setiap pelanggan.

Pada masa yang sama, SPANCO juga menyedari bahawa kesedaran tentang kepentingan seni perlu disemai dan dipertingkatkan dalam jiwa masyarakat. Untuk itu, sepanjang tahun 2006, kami sekali lagi menjemput para pelanggan untuk menikmati 12 karya seni yang dihasilkan oleh pelukis-pelukis tanah air. Kami berbangga kerana dapat memainkan peranan dalam usaha memartabatkan budaya, seni dan warisan bangsa Malaysia.

Semoga warisan seni kita akan terus kekal dinikmati oleh generasi seterusnya.

29 Ogos : Beginilah keadaan kereta setelah bertembung dengan lori kelapa sawit dalam kemalangan di Kilometer 102.6, Jalan Jerangau-Jabor, Dungun, Terengganu. Kemalangan meragut tiga nyawa, berlaku empat hari setelah sebuah lagi kemalangan yang mengorbankan lima nyawa kira-kira enam kilometer daripada tempat kejadian.



# Jangan Jadi Sebahagian Statistik Kemalangan 2006

*Gambar ihsan Utusan Melayu (Malaysia) Berhad*

Jumlah kemalangan meningkat daripada 298,653 dengan 6,286 kematian bagi 2003 kepada 326,817 dengan 6,223 kematian bagi 2004 (sumber: PDRM).

Bagi 2005 pula, purata 900 kemalangan berlaku dan 17 nyawa terkorban di jalan raya setiap hari di seluruh negara.

## Jadikan Keselamatan Amalan Hidup Kita

Ikhlaskan daripada  SPANCO